

KABINET - PELANCONGAN 1985

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN BANYAK LAGI BAHAN PENULISAN, BERITA DAN FILEM MENGENAI MALAYSIA DISEBARKAN SELUAS-LUASNYA KE NEGARA-NEGARA SCANDINAVIA.

KETIKA MEMBUAT ARAHAN ITU DALAM SIDANG MINGGUAN KABINET DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU PENTING SUPAYA PENDUDUK NEGARA-NEGARA BERKENAAN LEBIH MENGENALI MALAYSIA.

HAL INI DINYATAKAN OLEH MENTERI PENERANGAN DATUK RAIS YATIM KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MESYUARAT ITU.

KATANYA PADA MASA INI KURANG SEKALI FILEM, RENCANA DAN MAKLUMAT YANG DAPAT + MENJUAL + IMEJ MALAYSIA UNTUK MENARIK PARA PELANCONG DARI NEGARA-NEGARA ITU.

SEMASA MELAWAT SWEDEN, NORWAY, FINLAND, DENMARK DAN AUSTRIA BARU-BARU INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RATUSAN RIBU PENDUDUK NEGARA-NEGARA ITU BERCUTI SEMASA MUSIM SEJUK DI NEGARA-NEGARA TROPIKA DAN MENGAPAKAH MEREKA TIDAK DITARIK MELAWAT MALAYSIA.

DALAM MESYUARAT HARI INI, BELIAU JUGA MENEGASKAN PERLUNYA DISEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEDERHANA YANG SESUAI DENGAN KEMAMPUAN PARA PELANCONG BIASA DARI NEGARA-NEGARA SCANDINAVIA SELAIN MEMBERI TUMPUAN MENGADAKAN HOTEL KELAS PERTAMA, KATA DATUK RAIS. -- LAGI

1725MST 08 05 85

KABINET - PELANCONGAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK RAIS BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PERLU DIADAKAN PROGRAM PELANCONGAN BERKUMPULAN YANG LENGKAP BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DARI NEGARA-NEGARA ITU KE MALAYSIA.

PERDANA MENTERI JUGA MAHU KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PENGINAPAN SEDERHANA UNTUK PARA PELANCONG.

KEMENTERIAN PENERANGAN JUGA AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH TERSUSUN DALAM MEMBANTU MEMASTIKAN USAHA MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DARI NEGARA-NEGARA SCANDINAVIA ITU AKAN BERJALAN DENGAN LEBIH BERKESAN.

KEMENTERIAN LUAR DAN BADAN-BADAN YANG LAIN SEPERTI PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN JUGA AKAN MENGADAKAN LANGKAH SERUPA BAGI MENCAPAI TUJUAN ITU. -- BERNAMA

1741MST 08 05 85

B E427 AAE